

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**NASIR BIN DAUD**

**(NASIR SEARCH)**

**MENGENAI LIKU-LIKU KEHIDUPAN NASIR SEARCH**

**UNTUK MENJADI PEMAIN GITAR BASS**

**BATRISYIA HUDA BINTI MOHAMMAD JAMIL**

**(2019423906)**

**FARAH AMIRAH BINTI SHAMSUDDIN**

**(2019627558)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKT-FEB 202**



<b>ISI KANDUNGAN</b>		<b>M/S</b>
	<b>Abstrak</b>	<b>II</b>
	<b>Penghargaan</b>	<b>V</b>
	<b>Senarai Abreviasi</b>	<b>VII</b>
	<b>Senarai Singkatan</b>	<b>IX</b>
	<b>Rujukan Kata</b>	<b>XI</b>
<b>1.0</b>	<b>Biodata Penemubual</b>	
	<b>1.1 Penemubual Pertama</b>	<b>2</b>
	<b>1.2 Penemubual Kedua</b>	<b>3</b>
<b>2.0</b>	<b>Biodata Tokoh</b>	
	<b>2.1 Biodata Tokoh</b>	<b>5</b>
	<b>2.2 Pengenalan kepada Tokoh</b>	<b>6</b>
<b>3.0</b>	<b>Sejarah Lisan</b>	
	<b>3.1 Pengenalan</b>	<b>9</b>
	<b>3.2 Latarbelakang Kajian</b>	<b>11</b>
	<b>3.3 Permasalahan Kajian</b>	<b>12</b>
	<b>3.4 Objektif Sejarah Lisan</b>	<b>12</b>
	<b>3.5 Kepentingan Sejarah Lisan</b>	<b>13</b>
<b>4.0</b>	<b>Kajian Literatur</b>	
	<b>4.1 Topik 1: Artis Veteran</b>	<b>15</b>
	<b>4.2 Topik 2: Pemain Gitar Bass</b>	<b>15</b>
	<b>4.3 Topik 3: Muzik Rock</b>	<b>17</b>
<b>5.0</b>	<b>Transkrip Temubual Bersama Tokoh</b>	<b>20</b>
<b>6.0</b>	<b>Log Temubual</b>	<b>72</b>
<b>7.0</b>	<b>Ralat</b>	<b>82</b>
<b>8.0</b>	<b>Glosari</b>	<b>83</b>
<b>9.0</b>	<b>Indeks</b>	<b>91</b>
<b>10.0</b>	<b>Bibliografi</b>	<b>95</b>
<b>11.0</b>	<b>Lampiran</b>	
	<b>11.1 Biografi Tokoh</b>	<b>99</b>
	<b>11.2 Senarai Soalan</b>	<b>100</b>
	<b>11.3 Diari Penyelidikan</b>	<b>111</b>

# ABSTRAK

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk merekodkan sejarah lisan yang dilalui oleh tokoh dan tema untuk kajian ini adalah artis veteran dari era 1960, 1970 dan 1980 yang tidak diketahui umum. Pengkaji memilih Nasir Daud atau dikenali sebagai Nasir Search selaras dengan tema yang ditetapkan untuk ditemubual dan merekodkan perjalanan hidup beliau yang tidak diketahui oleh masyarakat. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini iaitu untuk mengetahui cabaran dan liku-liku kehidupan artis veteran yang dipilih untuk dijadikan koleksi rujukan sejarah lisan. Seterusnya untuk mendokumentasi pengkisahan artis veteran yang dipilih untuk dijadikan rujukan akan datang dan akhir sekali untuk mendapatkan sumber primer dan artis veteran yang dipilih untuk menjadi koleksi sejarah lisan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai peristiwa yang tidak direkodkan sewaktu kejadian tersebut berlaku dan baru diketahui apabila temubual ini dijalankan. Kajian ini juga dapat memberitahu masyarakat apa yang dilalui oleh tokoh tersebut untuk menaikkan nama mereka atau kumpulan mereka. Oleh yang demikian, melalui penceritaan oleh tokoh tersebut, masyarakat dapat mengetahui perkara yang perlu dilalui oleh artis veteran sepanjang perjalanan mereka menjadi artis dari era 1960-an sehingga kini. Penceritaan mereka dapat membuka mata masyarakat bahawa menjadi artis tidak mudah seperti yang mereka sangkakan.*

Kata kunci: Artis veteran, rock, muzik, sejarah lisan, gitar.

## ABSTRACT

*This study aims to record the oral history traversed by the figures and themes for this study are veteran artists from the 1960s, 1970s and 1980s eras that are not generally known. The researcher chose Nasir Daud or known as Nasir Search in line with the theme set to be interviewed and recorded his life journey which was unknown to the community. There are three objectives in this study, namely to find out the challenges and twists and turns of the lives of veteran artists who were selected to be used as a collection of oral history references. Next to document the narratives of veteran artists selected for future reference and lastly to obtain primary sources and veteran artists selected to be oral history collections. The findings of the study showed that there were various events that were not recorded at the time of the incident and were only known when the interview was conducted. The study can also tell the community what the figure went through to raise their name or their group. Thus, through the narration by the figure, the public can find out what veteran artists have to go through throughout their journey to become artists from the 1960s to the present. Their storytelling can open the eyes of the community that being an artist is not as easy as they thought.*

Keywords: Veteran artist, rock, music, oral history, guitar.

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi yang telah mempermudah segala urusan untuk menyiapkan kajian ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Puan Siti Nooorsiah binti Jamaluddin kerana tidak jemu mencurahkan ilmu dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan tugas ini. Terima kasih diatas segala didikan yang diberikan untuk memastikan kami dapat menyiapkan tugas ini.

Tidak lupa juga buat tokoh En. Nasir bin Daud (Nasir Search) diatas kesudian beliau untuk ditemu bual bagi memastikan kami dapat melakukan tugas ini. Terima kasih diatas kerjasama yang diberikan dari awal sehingga ke hari pertemuan kita.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada kedua ibu dan bapa pengkaji yang sentiasa memberikan semangat, sokongan dan motivasi untuk kami meneruskan perjuangan hingga ke tahap ini

Jutaan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang memberikan pertolongan dan perkongsian untuk memastikan pengkaji menyiapkan tugas ini dengan tempoh yang sepatutnya.

Akhir kata, buat semua yang telah membantu kami dalam menyiapkan tugas ini dengan harapan semoga Tuhan permudahkan segala urusan kalian dan sudah pastinya jasa kalian tidak akan kami lupakan. Semoga tugas ini dapat menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat.



# **SENARAI ABREVIASI**

## SENARAI ABREVIASI

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
<b>RISDA</b>	Rubber Industry Smallholders Development Authority
<b>ITM</b>	Institusi Teknologi Mara
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya
<b>JMF</b>	Johor Military Force
<b>LED</b>	Light Emitting Diode
<b>FINAS</b>	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
<b>PIMM</b>	Perbadanan Industri Muzik Malaysia
<b>KDN</b>	Kementerian Dalam Negeri
<b>CSR</b>	Corporate Social Responsibility

# **SENARAI SINGKATAN**

## **SENARAI SINGKATAN**

FAS: Farah Amirah binti Shamsuddin

BHJ: Batrisyia Huda binti Mohammad  
Jamil

NBD: Nasir bin Daud

NBS: Hajah Noraziah Binti Haji Saadon

# **RUJUKAN KATA**

## RUJUKAN KATA

Tu	Itu
Amek	Ambik
Ni	Ini
Macam	Seperti
Gitulah	Itulah
Dah	Sudah
Takde	Tiada
Pastu	Selepas Itu
Tapi	Tetapi
Sorang	Seorang
An	Kan
Sikit	Sedikit
Tak	Tidak
Dulu	Dahulu
Masa Tu	Semasa Itu
Bila	Apabila
Je	Sahaja
Hari ni	Hari Ini
Kat	Dekat
Lepas Itu	Selepas Itu
Syoklah	Sukalah
Kitorang	Kami
Payah	Susah
Sedara	Saudara
Tauke	Peniaga

Tau	Tahu
Nak	Hendak
Gitu	Sebanyak
Lepak	Duduk Sahaja
Diorang	Mereka
Serumah	Satu Rumah
Gaji	Upah
Setahun	Satu Tahun
Barulah	Baharulah
Saja	Sahaja
Depan	Hadapan
Ia	Dia
Dibagi	Dibahagi
Pikirkan	Fikirkan
Sengah-Sengah	Setengah-setengah
Bagi	Bahagi
Ambik	Ambil
Pulak	Pula
Kelentong	Tipu
Hari tu	Hari Itu
Ntah	Tak Tahu
Pior	Asli
Benda	Perkara

# **BIODATA PENEMUBUAL**



## 1.0 BIODATA PENEMU BUAL

### 1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



<b>Nama</b>	Batrisyia Huda Binti Mohammad Jamil
<b>Tarikh Lahir</b>	13 Mac 1999
<b>Tempat Lahir</b>	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor
<b>Alamat</b>	No. 33, Jalan Seri Austin 6/6, Taman Seri Austin, 81100 Johor Bahru, Johor.
<b>No. Telefon</b>	011-12272251
<b>Emel</b>	<a href="mailto:batrisyiahuda99@gmail.com">batrisyiahuda99@gmail.com</a>
<b>Program</b>	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)

## 1.1 PENEMU BUAL KEDUA



<b>Nama</b>	Farah Amirah Binti Shamsuddin
<b>Tarikh Lahir</b>	17 Oktober 1999
<b>Tempat Lahir</b>	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor
<b>Alamat</b>	No. 8, Kampung Tengah Tebrau, 81100, Johor Bahru, Johor.
<b>No. Telefon</b>	011-28719353
<b>Emel</b>	<a href="mailto:farahamirah16@gmail.com">farahamirah16@gmail.com</a>
<b>Program</b>	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)

# **BIODATA TOKOH**

## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.1 BIODATA TOKOH



<b>Nama</b>	Nasir Bin Daud
<b>Tarikh Lahir</b>	1959
<b>Tempat Lahir</b>	Air Tawar, Mersing, Johor.
<b>Status</b>	Berkahwin
<b>Bilangan Anak</b>	2 Orang (Perkahwinan Pertama)
<b>Bilangan Adik-Beradik</b>	11 Orang, Anak Pertama
<b>Kerjaya</b>	Pemain Gitar Bass Kumpulan Search

## 2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Encik Nasir bin Daud merupakan anak kelahiran Mersing, Johor yang dilahirkan pada tanggal 1959. Kini, beliau sudah berusia 62 tahun. Beliau dilahirkan di Air Tawar Mesing, Johor dan kini menetap di dua tempat kerana perkahwinan jarak jauh bersama isteri di Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Beliau merupakan anak yang pertama daripada 11 orang adik beradik. Beliau mendirikan rumahtangga pada tahun 1988 namun jodohnya tidak berpanjangan. Hasil perkahwinan itu, beliau dikurniakan 2 orang anak iaitu lelaki dan perempuan yang bernama Putra Najmi Ratna Anati dan Isabella Ratna Sari Dewi. Pada tahun 2019, beliau sekali lagi mendirikan rumahtangga bersama Hajah Noraziah binti Saadon.

Beliau mengenal muzik seawal usia 15 tahun melalui bapanya yang sering memasang radio ketika di rumah. Kemudian, beliau mula mendekati gitar melalui salah seorang rakannya yang merupakan anak seorang guru besar sekolahnya. Beliau mula memetik gitar tanpa diajar oleh sesiapa pada ketika itu. Kemudian, beliau berkongsi duit dengan jirannya iaitu rakannya sendiri untuk membeli gitar yang berharga RM50. Selepas itu, beliau mengikuti makciknya ke Johor Bahru untuk menolong menjual ayam di pasar yang terletak di Jalan Dato Dalam. Rumah kediaman makcik beliau terletak di sebelah Johor Military Force (JMF) pada ketika itu. Sewaktu melalui jalan untuk pulang ke rumah, beliau akan mendengar bunyi yang dihasilkan oleh band di Johor Military Force (JMF). Disebabkan beliau sering melihat mereka, lalu beliau disapa oleh salah seorang dari mereka dan beliau diberikan peluang untuk bermain gitar bass yang sebenar.

Disebabkan minat beliau yang mendalam terhadap gitar, beliau telah ditawarkan untuk bermain gitar bass untuk dua malam di sebuah kelab oleh salah seorang rakannya. Namun beliau tidak mempunyai gitar untuk menerima tawaran dan pihak pengurusan telah memberikan beliau sebuah gitar untuk digunakan selama dua malam di kelab Mencinta. Kemudian, pihak pengurusan kelab telah menawarkannya untuk menyambung terus sebagai gitaris namun beliau menolak atas alasan tidak mempunyai gitar. Atas kesungguha pihak pengurusan untuk beliau terus bermain, mereka telah membelikan sebuah gitar dari Singapore untuk beliau mainkan di kelab mereka. Lalu beliau telah berkenalan dengan Yazid namun perkenalan mereka tidak lama kerana Yazid pergi ke Kuala Lumpur. Tidak lama kemudian, beliau berhenti

bekerja di kelab tersebut untuk mencari Yazid, Hillary dan Amy di Kuala Lumpur. Beliau mengenali Hillary dan Amy kerana mereka sering datang ke bilik berjumpa dengan Yazid. Kumpulan Search terbentuk disebabkan oleh Zainal. Zainal dan Hillary menubuhkan Search bersama dnegan Yazid dan Amy. Namun, Zainal telah meninggalkan Search tidak lama kemudia. Lalu, beliau menyertai kumpulan Search sebagai pemain gitar bass Search sehinggalah hari ini. Minat beliau terhadap gitar tidak sia-sia kerana beliau berjaya menyertai salah satu kumpulan muzik rock yang sangat terkenal sehingga kini.

# **SEJARAH LISAN**

### **3.0 SEJARAH LISAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Sejarah merupakan sesuatu peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu atau pada masa lampau. Para sejarawan telah dipengaruhi oleh zaman, tempat dan masa masing-masing untuk mendefinisikan makna sejarah yang tersendiri mengikut pendapat masing-masing. Menurut Mardiana Nordin (2015), sejarah boleh membawa pengertian dan makna yang berbeza. Terdapat beberapa pengertian umum berkaitan sejarah yang membawa kepada banyak maksud. Menurut Kamus Dewan (2017), sejarah membawa maksud asal usul (keturunan), salasilah. Terdapat juga makna lain yang membawa maksud sejarah seperti peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lalu yang menceritakan tentang kisah, riwayat dan tambo. Sejarah menceritakan tentang perkara yang disangka dongeng menjadi fakta dengan adanya bukti-bukti yang mengesahkan cerita itu benar. Dengan adanya pendefinisian sejarah dari pelbagai sumber, maka sejarah itu sendiri dapat dikembangkan dari masa ke semasa dengan adanya penyelidikan dan penafsiran sumber-sumber yang mengesahkan kejadian itu benar-benar berlaku.

Dalam membuat penyelidikan, terdapat dua sumber yang selalu digunakan untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat lampau walaupun peristiwa tersebut sudah lama berlaku. Antara sumber yang digunakan ialah sumber lisan dan sumber bertulis. Kebiasannya, sumber lisan menjadi sumber utama yang digunakan kerana sumber tersebut didapati melalui individu-individu yang pernah melalui sesuatu peristiwa yang ingin dikaji oleh para sejarawan. Sumber lisan atau dikenali sebagai sejarah lisan juga dianggap lebih penting berbanding sumber sekunder kerana cerita yang dikaji mempunyai cerita yang ditokok tambah.

Sejarah lisan merupakan satu cara untuk mendapatkan fakta-fakta sejarah yang masih belum dikaji atau diterbitkan oleh seseorang. Menurut Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (2007), sejarah lisan didefinisikan sebagai satu kaedah yang dipilih untuk mengenang seseorang tokoh yang melalui sesuatu peristiwa lampau yang dirakamkan secara temubual. Orang yang dipilih untuk ditemubual merupakan tokoh yang memberikan sumbangan terhadap maklumat sejarah dari segi penglibatan dan juga pengalaman diri mereka sendiri. Menurut Rahilah Omar & Siti Fathihah (2012), sejarah lisan bermaksud proses atau kaedah



yang perlu dilalui untuk mendapatkan maklumat atau fakta berkaitan sejarah melalui teknik wawancara, soal jawab atau temuramah yang dijalankan di dalam bentuk pita rakaman mahupun transkripsi.

Sejarah lisan berperanan untuk mengumpul maklumat dalam mencari peristiwa-peristiwa sejarah untuk mengkaji rekod-rekod yang telah hilang ataupun tidak pernah diterbitkan oleh pihak yang bertanggungjawab. Menurut Nadzan (1979), sejarah lisan boleh menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang dan ia juga menjadi pendorong kepada penyelidik untuk membuat kajian di atas perkara-perkara yang berlaku pada masa lampau. Selain itu, sejarah lisan juga berperanan untuk memperkenalkan sejarah dari luar kedalam masyarakat. Sejarah lisan dapat memberikan pandangan baharu tentang peristiwa bersejarah yang berlaku kerana orang yang ditemubual boleh terdiri daripada golongan orang biasa dan bukan daripada golongan elit sahaja. Sejarah lisan dapat dijadikan sebagai penghubung dalam mewujudkan persefahaman antara generasi dari generasi yang lain (Siti Roudhah Mohamad Saad, 2012).

### 3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sejarah lisan digunakan untuk merekodkan peristiwa atau cerita yang belum pernah direkodkan atau diterbitkan. Sejarah lisan juga sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berlaku pada masa lalu. Sejarah lisan merupakan satu kaedah penyelidikan yang membantu untuk memahami peristiwa sejarah dengan lebih baik.

Terdapat pelbagai manfaat yang diperoleh apabila penyelidik menggunakan sejarah lisan sebagai kaedah utama. Hal ini adalah kerana sejarah lisan merupakan sejarah tidak mempunyai cerita yang ditokok tambah. Ini adalah kerana penyelidik menemubual mereka yang melalui peristiwa itu sendiri. Antara manfaat sejarah lisan adalah dapat menarik minat penyelidik untuk mengetahui peristiwa yang berlaku dengan lebih mendalam apa yang berlaku pada ketika itu. Selain itu, penyelidik dapat memelihara sejarah yang berlaku pada masa lampau dengan menerbitkan kisah tersebut untuk didedahkan kepada orang ramai. Sejarah lisan dapat memberikan kesedaran dan gambaran kepada pihak yang terlibat dan juga generasi pada masa kini tentang apakah yang berlaku di sebalik peristiwa tersebut.

Menurut Rahilah Omar & Siti Fathiah (2012), sejarah lisan bermaksud proses yang perlu dilalui untuk mendapatkan sumber sejarah melalui teknik temubual, wawancara atau soal jawab yang dijalankan. Kajian ini berkaitan dengan sejarah lisan yang bertemakan artis veteran. Artis veteran merupakan artis yang memulakan kerjaya seni pada era 70-an sehingga 80-an. Artis ini melibatkan diri dalam bidang lakonan, perfileman, pengarah dan juga nyanyian. Peredaran masa yang semakin moden menyebabkan banyak isu yang timbul berkaitan dengan artis veteran. Sejarah lisan ini dibuat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sejarah hidup artis veteran. Melalui sejarah lisan, penyelidik dapat mengetahui cabaran yang perlu dilalui sebagai artis veteran. Sejarah lisan ini juga dapat mendedahkan cerita berkaitan artis veteran yang tidak pernah didedahkan kepada umum. Oleh itu, sejarah lisan amat sesuai digunakan untuk mendapatkan atau mengumpulkan maklumat berkaitan dengan artis veteran.

### **3.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

- 3.3.1 Kurangnya diberi perhatian oleh industri hiburan terhadap barisan artis veteran yang telah kian lama berkecimpung dalam industri seni. Seperti yang diperkatakan oleh seorang artis veteran Jalil Hamid iaitu “pelakon veteran sepatutnya dihargai, bukan diperlekehkan” katanya dalam akhbar Berita Harian (Farihad & Sarimah, 2021).
- 3.3.2 Pendokumentasian yang kurang mengenai artis veteran untuk tujuan pemeliharaan bahan sebagai rujukan dan kajian generasi akan datang. Sekiranya tidak didokumentasikan, generasi pertama ini kian ‘hilang’ meninggalkan kita. (Ayu Haswida & Ibrahim, 2007).
- 3.3.3 Kurangnya pengumpulan maklumat berkenaan artis veteran dalam dunia hiburan disebabkan tiada pendedahan tentangnya. Tanpa orang yang prihatin terhadap barisan artis veteran dan penggiat seni tanah air, maklumat mereka tidak akan hebah di mata masyarakat. (Bernama, 2020).

### **3.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat beberapa objektif kajian yang diperoleh berdasarkan permasalahan kajian yang dikeluarkan dalam menjalani kajian ini.

- 3.4.1 Untuk mengetahui cabaran dan liku-liku kehidupan artis veteran yang dipilih untuk dijadikan koleksi rujukan sejarah lisan.
- 3.4.2 Untuk mendokumentasi pengkisahan artis veteran yang dipilih untuk dijadikan rujukan akan datang.
- 3.4.3 Untuk mendapatkan sumber primer dan artis veteran yang dipilih untuk koleksi sejarah lisan

### **3.5 PERSOALAN KAJIAN**

- 3.5.1 Apakah cabaran dan liku-liku kehidupan artis veteran yang tidak diketahui umum?
- 3.5.2 Bagaimana pengkisahan artis veteran dapat dijadikan rujukan?
- 3.5.3 Bagaimana maklumat berkaitan artis veteran dapat dikumpulkan?

### **3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

- 3.6.1 Kajian ini amat penting untuk mengetahui kepayahan pengiat seni dalam membangunkan industri seni. Hal ini adalah kerana masyarakat tidak didedahkan dengan cabaran yang dihadapi sewaktu mengeluarkan album, mencipta lagu dan juga sewaktu penggambaran. Kajian ini dapat memberikan gambaran kepada masyarakat untuk mengetahui perkara yang berlaku di sebalik tabir.
- 3.6.2 Kajian ini juga dapat membuatkan masyarakat lebih menghargai hasil yang dikeluarkan oleh industri seni tempatan berbanding luar negara. Setiap industri seni mempunyai keunikan mereka yang tersendiri. Oleh itu, masyarakat hendaklah menghargai segala perbuatan yang dilakukan oleh penggiat seni.
- 3.6.3 Kajian ini dapat mendedahkan perjalanan hidup penggiat seni muzik yang semakin dilupakan. Perubahan zaman yang semakin moden membawa kepada kepelbagaian genre muzik. Dengan wujudnya genre muzik yang lain, terdapat banyak artis baharu yang namanya memuncak naik dengan membawa pelbagai jenis genre. Oleh itu, kehidupan artis veteran semakin dilupakan pada masyarakat pada masa kini kerana mereka lebih fokus kepada artis yang baharu.

# **KAJIAN LITERATUR**

## **4.0 KAJIAN LITERATUR**

### **4.1 TOPIK 1: ARTIS VETERAN**

Menerusi dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, artis merujuk kepada individu yang kerjayanya mencipta hasil seni terutama dalam bidang lukisan. Artis juga boleh memberi maksud sebagai penghibur sebagai contoh penyanyi, penari, atau pemuzik yang merakamkan persembahannya dalam sesebuah album dengan syarikat rakaman mengikut kontrak tertentu. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Manakala, maksud vateran dalam bidang sukan bermaksud jaguh lama. Dalam bidang ketenteraan bermaksud bekas askar yang merujuk kepada perajurit atau pejuang (Kamus Dewan Edisi Keempat). Dalam erti yang mudah artis vateran memberi makna sebagai orang yang banyak pengalaman dalam sesuatu perkara.

Namun, menurut seorang artis yang sudah lama berkecimpung dalam bidang industri sejak 1980an menolak panggilan vateran untuk golongan artis yang lama. Katanya, “golongan sesuai digelar veteran adalah apabila seseorang artis itu sudah bersara dari bidang diceburinya” (Ramlah Ram, 2018). Di sini menunjukkan istilah bagi artis vateran hanya sesuai apabila seseorang itu sudah tidak menceburi bidang industri seni.

### **4.2 TOPIK 2: PEMAIN GITAR BASS**

Dalam sesebuah nyanyian dan lagu penggunaan alat muzik sangat penting untuk menjadikan sesebuah muzik itu sedap didengari dan alunannya menjadi harmoni ikut kesesuaian genre muzik tersebut. Oleh itu, penggunaan alat muzik seperti gitar merupakan salah satu peralatan muzik yang wajib ada dalam sesebuah muzik yang bergenre rock selain daripada alat muzik lain. Gitar merupakan alat muzik yang mempunyai enam tali yang dikelaskan sebagai alat muzik “Chordophone” (Kamien Roger, 2000). Dalam satu kajian artikel oleh Mohammad Effandi (2002) menyatakan gitar berasal daripada Sepanyol pada abad ke-16 dan perkataan gitar berasal daripada perkataan “Khitara”. Namun, ia diubahsuai menjadi gitar dan digunakan sehingga kini.

Peralatan alat muzik gitar mempunyai pelbagai jenis dan salah satunya ialah gitar bass atau dikenali sebagai gitar elektrik. Gitar bass merupakan salah satu bahagian penting oleh seseorang yang digelar sebagai pemain gitar bass dalam sesebuah kumpulan muzik kerana mereka perlu mengiringi seorang penyanyi atau di dalam kumpulan band (Yuhanidha Siti, 2019). Oleh itu, pemain gitar bass memainkan peranan penting dalam sesebuah kumpulan rock kerana ia yang membuatkan sesebuah lagu itu sedap didengari oleh peminat muzik rock.

Pemain gitar bass yang mahir dan layak digelar sebagai legenda yang boleh dijadikan contoh seperti pemain gitar bass iaitu Yngwie Malmsteen merupakan pemain gitar yang sudah dikenali sejak awal 1980an dan beliau juga dikenali di Malaysia sehingga memberi pengaruh besar kepada ramai pemain gitar tempatan terutama Man Kidal yang juga merupakan salah seorang pemain gitar dalam kumpulan rock. Pemain gitar bass legenda ini juga menunjukkan kehebatannya dalam menggayakan muzik neo-klasik dengan *heavy metal*. Walaupun kebanyakan band rock generasi baru hari ini tidak lagi menampilkan 'guitar hero' seperti dulu, namun beliau tetap memberi pengaruh kepada mereka dalam usaha menubuhkan band rock. (Riadz Radzi, 2018). Oleh yang demikian, kini terdapat juga ramai pemain gitar bass terbaik di Malaysia yang kita kenal seperti Nasir Seach, Eddie Wings, Zuar XPDC, Man Karendan ramai lagi.

### 4.3 TOPIK 3: MUZIK ROCK

Pada dasarnya setiap manusia mempunyai jiwa seni, salah satunya ialah seni muzik. Dalam kehidupan manusia tidak terlepas daripada muzik. Maksud muzik dalam kamus bahasa dan pustaka ialah gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan. Boleh juga dikategorikan sebagai bunyi--bunyian, pemuzik ahli muzik, pemain alat muzik, atau pengubah muzik. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Muzik mempunyai pelbagai jenis genre bergantung kepada kepada kemahiran dan minat dalam diri seseorang. Oleh itu, para pengusaha muzik bergiat cergas untuk menghasilkan rekaan seni demi memenuhi citarasa pengguna dan penggemar muzik (Rokiah Ismail, 2004). Antara jenis muzik ialah muzik bergenre klasik, jazz, pop, balada, rock dan banyak lagi. (Ayu Isti Prabandari, 2020). Menurut dalam satu artikel oleh Rokiah Ismail (2004), terdapat pelbagai jenis muzik rock, misalnya *classical rock*, *country rock*, *pop rock*, *folk rock*, *jazz rock*, *acid rock*, *alternative rock*, *punk rock*, dan *hard rock* sejak tahun 60an. Kata beliau lagi, definisi sebenar bagi rock tidak dapat dijelaskan namun muzik tersebut terdapat penekanan pada tempo yang rancak dan penggunaan gitar elektrik dalam semua jenis muzik rock.

Dalam muzik rock terdapat ciri khusus seperti lirik, rentak, mesej lagu, penyanyi dan kumpulan rock. Malah, terdapat juga ciri umum yang kita ketahui apabila sebutkan tentang muzik rock seperti fesyen pakaian, gaya rambut, karakter, dan pembentukan nilai-nilai yang bersifat rock (Rokiah Ismail, 2004). Hal ini amat jelas menunjukkan muzik rock berfungsi untuk menonjolkan status dan karakter seseorang sebagai *rockers* sejati atau melambangkan diri mereka sebagai ahli dalam satu kumpulan.

Di Malaysia, muzik rock lebih dikenali dengan panggilan rock kapak yang dikatakan mendapat nama "rock car-park" yang dikatakan berasal daripada persembahan rock di tempat letak kereta di Barat pada masa dahulu. Perkataan "car park" itu kemudian dipinjam dan diubah menjadi "kapak". (Budiman Mohd Zohdi, 2021). Dalam penulisan akhbar buletin fm oleh Ainaa (2021), rock kapak di Malaysia sangat popular sekitar tahun 1980 hingga 1990an. Penggunaan gitar elektrik di era rock n roll telah menyebabkan muzik rock mula bertapak di Malaysia.



Kumpulan Sweet Charity merupakan kumpulan pertama yang mula-mula bertapak di Malaysia yang diketuai oleh papa rock iaitu Ramli Sarip. Kumpulan seperti Lefthanded, The Burnmarks, dan D'Febians merupakan kumpulan awal yang muncul dengan imej rambut panjang dan berseluar ketat. Setelah itu, muncullah kumpulan baharu seperti kumpulan Wings, Search, BPR, May dan banyak lagi. (Ainaa, 2021). Jelaslah, kita pernah mendengar zaman demam rock di Malaysia pada waktu itu dan banyak juga program muzik yang bergenre rock disiarkan di kaca televisyen seperti rancangan Muzik-Muzik yang berjaya menjadikan rock kapak sebagai muzik arus perdana pada ketika itu.

**TRANSKRIP  
BERSAMA TOKOH**

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

### SESI PERTAMA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latarbelakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni muzik. Bersama-sama kami ialah Encik Nasir Bin Daud atau dikenali dengan nama Nasir Search yang merupakan salah seorang ahli kumpulan Search. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 4 Disember 2021 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 1 petang bertempat di Hotel Sri Malaysia, Mersing Johor. Temubual ini dikendalikan oleh saya Farah Amirah Binti Shamsuddin dan pasangan saya Batrisyia Huda Binti Mohammad Jamil. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

**FAS :**Bismillahirrahmanirahim, kita mulakan sesi temubual dengan soalan yang berbentuk orientasi iaitu mengenai latar belakang Encik Nasir. Bolehkah Encik Nasir ceritakan sedikit latarbelakang encik?

**NBD :**Nama saya Nasir, orang panggil saya Nasir Search. *So* [jadi], asalnya memang asal daripada sini. Kebetulan pertemuan ini dibuat di Mersing [Johor]an. *So* [jadi], saya sangat apa ni...sangat *happy* [gembira]. Sebab benda ni berlaku dengan secara tak sengaja. Saya dapat tahu awak semua cari saya-- sekejap JB [negeri] sekejap KL [negeri]. (sambil ketawa kecil) *So* [Jadi], *finally*[akhirnya] semua berakhir di sini. Kebetulan semalam saya balik ke Mersing [Johor] dan kebetulan awak pula awak semua tanya boleh jumpa bila apa semua, maka inilah terjadinya hari ni. Saya sebab saya memang balik ke Mersing [Johor] untuk menemani isteri saya yang kebetulan ada mesyuarat di sini, yang tidak ada kaitan dengan *career* [kerjaya] saya menunduk ke bawah). Saya hanya menemani dan apabila dia sebut nak balik, saya cukup teruja aa untuk ikut sama. Sebab Mersing [Johor] pada saya adalah satu bandar yang sangat *special* [istimewa] lah (sambil menoleh ke kiri), kita ada laut, kita ada semua macam-macam lagilah boleh diceritakan. Okay. (sambil membetulkan kedudukan)

**BHJ :Bilakah encik Nasir dilahirkan?**

NBD :Saya lahir 1959, dah tua dah.

**BHJ :Dimana tu?**

NBD :Air tawar, Mersing [Johor].

**BHJ :Sekarang tempat tinggal encik Nasir dimana?**

NBD :Saya tinggal di Johor [Malaysia] dan juga KL [negeri], dua [2] tempat lah. *So* [Jadi], apabila saya ada kegiatan seni atau pun yang bersangkutan dengan Search, saya akan balik ke KL [Malaysia]. Apabila ada kelapangan, saya akan balik di Johor Bahru [Malaysia], sebab isteri saya kerja di Johor Bahru. Dia kerja dengan RISDA--, agensi kerajaan RISDA yang memang dia punya *base* [pangkalan] di ibu pejabat RISDA negeri Johor [Malaysia]. *So* [Jadi], saya ada dua [2] tempatlah. Apabila saya kerja dengan Search, saya akan balik ke KL [Malaysia]. Sebab tu semalam saya daripada KL [Malaysia] saya turun Senai [Johor], *and then* [dan seterusnya] Kak Zi amek saya terus ke Mersing [Johor] dan hari ni kita berjumpa (sambil tangan kanan bergerak-gerak). Macam gitulah perjalanan saya. (berdehem)

**BHJ :Keluarga encik Nasir encik anak yang beberapa?**

NBD :Saya anak sulung.

**FAS :Ohh daripada?**

NBD :Daripada sebelas [11] adik-beradik.

**FAS :Ohhh ramai.**

NBD :Dua [2] dh takde, so [jadi] tinggal sembilan [9] lah.

**BHJ :Okey, kita akan berpindah kepada soalan berkenaan keluarga.**

NBD :Emmm.

**BHJ :Bolehkah encik Nasir ceritakan sedikit mengenai keluarga encik?**

NBD :Ahhh dari sudut apa tu?

**BHJ :Ahhh dari sudut adakah encik sudah berkahwin? nama encik Nasir?**

NBD :Saya? nama saya tadi--

**BHJ :Nama isteri encik Nasir (sambal tergelak kecil)**

NBD :Okay saya dah berumah tangga (sambil menunjuk ke arah isteri). Isteri saya ah Noraziah. Hajah Noraziah Saadon. Hajah Noraziah Binti Haji Saadon. Itu isteri saya, pastu emmm, lagi apa lagi?

**BHJ :Bilakah encik Nasir berkahwin?**

NBD :Okay, (sambil menutup mulut).

**FAS : (Ketawa kecil)**

NBD :Dia ada apa ni, ada dua [2] version [versi] lah (ketawa kecil)

**FAS** :(ketawa kecil)

NBD :Satu saya apa ni perkahwinan pertama saya pada 1988, saya dapat emmm aa dapat dua [2] cahayamata. Tapi mereka semua ni dah besar, ada yang yang sorang tu tiga puluh [30] yang sorang tu dua puluh satu [21]. Tiga puluh [30] tu anak lelaki, dua puluh satu [21] tu anak perempuan. Kemudian, emmm ditakdirkan kami ni tidak emmm ada jodoh yang panjang, so [jadi] saya emmm berkahwin dengan Noraziah Binti Saadon (menunjuk ke arah isteri) kali kedua pada tahun sembilan belas [19]-- eh dua puluh [20], sekarang ni dua puluh satu [21] eh?

**FAS & BHJ** :Iya.

NBD : 2018 (memejam mata sambil jari bergerak)

**FAS** :2018?

NBD :2018 (mengangguk). Yang.-- kita kahwin 2018 kan? (bertanya kepada isteri).

NBS : Kita kahwin? Aaa sembilan belas [19] lah

NBD :Ah?

NBS :Bulan puasa.

NBD :Sorry -- [maaf] 2019.

NBS :(ketawa kecil)

NBD :Bulan Mei --so [jadi] ini perkahwinan saya kedua ni kami tidak memiliki anaklah. Saya sebagai teman hidup lah.

**BHJ :Siapakah nama ibu bapa encik Nasir?**

NBD :Ibu bapa saya emmm nama bapa saya Daud nama mak saya Fatimah.

**BHJ :Kami dapat tahu arwah sudah meninggal.**

NBD :Ah dua-- [2] dh meninggal lama dah.

**BHJ :Tahun bila tu?**

NBD :Yang ni *censore* [tapis] saya lupa lah. (ketawa kecil)

**BHJ :Okay tak mengapa.**

NBD :(menunduk)

**BHJ :Kita berpindah kepada soalan Pendidikan.**

**FAS :Seterusnya emmm bolehkah encik Nasir ceritakan sedikit latar belakang sebelum bekerja?**

NBD :Okay, saya dulu sekolah hanya sebelah (tangan menunjuk ke arah kanan) di sebelah hotel di mana kita sedang bercakap sekarang ni. Dekat sebelah situ ada Sekolah Seri Mersing [Johor] kan.

**BHJ :Aah owh (mengangguk)**

NBD :Itu sekolah saya. *So* [Jadi], saya sekolah situ daripada tingkatan satu [1] sampai tingkatan-- *so* [jadi] sekolah saya-- dalam sekolah saya tidaklah begitu cemerlang (menggeleng) sebab saya sudah mendekati diri dengan muzik an *so* [jadi] saya berkorban sikit lah untuk-- menjadi seorang akademik *academicians* [ahli akademik] saya bukan *academicians* [ahli akademik], tapi saya *musicians* [pemuzik]. *So* [jadi] saya orang kata apabila saya dah kenal muzik dan gitar, saya mula melupakan bukan melupakan lah-- lalai pelajaran dan sebagainya. *So* [Jadi] sebelum tu saya memang antara yang boleh-- katakan *average* [sederana] lah nak kata bagus sangat tak tapi okaylah. *So* [Jadi] saya cikgu pun pelik kenapa saya berubah (betulkan kedudukan) daripada yang focus-- daripada pelajaran tiba-tiba emm menjadi macam emm menyalahkan lah apa ni pelajaran yang saya gemari sekali adalah (menunduk) sejarah.

**FAS :(tersenyum) sejarah.**

**BHJ :(ketawa kecil)**

NBD :Saya memang dulu sekolah ni erm sekolah-- *English*-- [Inggeris] *English medium* [Bahasa Inggeris] *so* [jadi] dia *fully English medium* [Bahasa Inggeris penuh] *so* [jadi] kita panggil subjek dulu *history* [sejarah]. Pastu saya punya *second* [kedua] *favourite* [kesukaan] saya geografi *so* [jadi] dua ni kemudian kita ada juga *comass* [kompas] pastu kita ada juga *Industrial art* [perindustrian seni] *so* [jadi] Bahasa Malaysia-- yang gunakan Bahasa melayu. *So* [Jadi] semua *English* [Inggeris] *fully English* [Inggeris penuh] sebelum ditukar menjadi sekolah kebangsaan.



**BHJ : Oh**

NBD : Masa tu-- tahun tujuh puluh [70] penghujung tujuh puluh enam [76] tujuh puluh tujuh [77]. Masa tu dah mula perubahan sistem (sambil tangan bergerak-gerak) pelajaran di Malaysia diubah menjadi sistem sekolah kebangsaan. Kalau sekarang ni orang sibuk apa ni--

**FAS : *Vernacular* [vernakular]? (sambil mengangguk)**

NBD : Ah *vernacular* [vernakular] kan *so* [jadi] benda-benda macam ni-- yang berlaku dulu ada-- sistem sekolah. *So* [Jadi] saya adalah antara yang terakhir *batch* [kumpulan] terakhir yang masih lagi dalam bentuk *English medium* [Bahasa Inggeris] sekolah penuh sepenuhnya (sambil tangan bergerak) tapi sekarang ni takde dah lagi (menggaru kening) sekolah semua dah tukar. Sebabtu saya hanya *favourite* [kegemaran] *history* [sejarah] memang sekarang pun saya masih suka kan penceritaan saya suka sesuatu yang *memorable* [diingati] saya suka *event* [peristiwa]-- saya suka benda begitu. Saya boleh menghafal sesuatu apa ni *event* [peristiwa] yang berlaku tapi, itu dulu kita punya proses lain dan kita punya-- sekarang ini dah berumur dia ada sedikit penurunan. Jadi selain itu, geografi *is* [adalah] *my favourite* [kesukaan saya] juga kalau dulu geografi sekarang ini ilmu alam. *So* [Jadi] apa ini saya punya pengalaman akademik itu sahaja lah tak banyak lah sebelum saya melangkah kepada bidang muzik.

**FAS :Selepas sahaja encik Nasir tamat bersekolah, adakah encik Nasir ada menyambung ke mana-mana?**

NBD :Takde, emm saya dah-- seorang mak cik saya lah dia nampak saya ni boleh belajar dia sayang saya dia datang daripada KL (Malaysia) dia datang ke kampung sini dia nak bawa saya balik ke KL (Malaysia) nak sekolah kan saya nak sambungkan saya belajar di ITM (universiti). Tapi saya waktu tu dah tak-- minat lagi nak belajar *so* [jadi] dia tapi dia bawa saya juga ke KL (Malaysia). Saya ikut-- saya pertama kali datang ke ibu kota waktu itu (menongkat dagu) tapi saya tidak-- ikut rancangan dia *so* [jadi] saya hanya pergi untuk memenuhi undangan dia lah suruh ikut dia apa semua dia cuba mahu -- *so* [jadi] dia mahu saya sambung belajar ke apa. Kalau saya ikut tu kemungkinan dah lain penceritaan, saya mungkin tak duduk di sini macam hari ni saya tidak jadi apa pun kita tak tahu. Tapi itulah semua ini ah takdir kan kita dah tersusun *so* [jadi] ikut *just* [cuma] *follow* [ikut] *the flow* [aliran] akhirnya saya balik semula lah daripada rumah dia dekat KL (Malaysia) saya balik ke Mersing (Johor) saya buat hal saya sendiri lah. Kalau ikut saya ikut rasa hati (sambil memegang dada).

**BHJ :Baiklah kini kita akan beralih kepada soalan berbentuk *general* (umum) iaitu pilihan kerjaya, bolehkah encik Nasir ceritakan apakah bidang kerjaya yang encik Nasir pilih? Dari segi bila encik Nasir mulakan bidang muzik. (sambil tengok kertas)**

NBD :Saya mula mengenal gitar ni waktu saya tingkatan-- tiga [3] . Tingkatan tiga [3] umur saya belasan tahun saya mengenal muzik bukan mengenal gitar, saya mengenal muzik sebab saya dengar muzik yang bapa saya pasang laindaripada apa yang kita dengar di radio. Waktu di radio sibuk dengan lagu 'popyeh yeh', enam puluhan [60]. Saya ingat lagilah waktu-waktu sebagai contoh lah eh lagu-lagu-- melayu lah eh macam contoh dia Jeffery Din, J. Mizan,-- Uji Rashid termasuk lah yang-- macam orang kata macam-- *band* [kumpula

muzik] dan ada beberapa lagi waktu itu. Jadi bila saya dengar bapa saya pasang *record* [rekod] ini bunyi macam berbeza tau bunyinya macam sebab rekod yang dia pasang itu – (sambil tangan bergerak-gerak) dua nama ini padazaman itu amat popular [istimewa] lah kalau *you* [awak] nak tahu ‘Rolling stone’ *you* [awak] boleh google-- *so* [jadi] dua [2] itu. Dia pasang itu saya-- lah yang pasang bila dia tiada di rumah saya lah yang pasang *record player* [pemain rekod] dia yang sangat *rare* [jarang] zaman dulu punya yang pakai bateri enam [6] biji. Pakai bateri tau *record player* [pemain rekod] tu yang ada jarum tu kan dia takde bukan radio dia *turn table* [pusing meja] *you* [awak] tahu eh?

**BHJ :Tak dapat bayang (ketawa kecil sambil menutup mulut)**

NBD :Tidak boleh bayangkan dasyat eh. (tersengih)

**BHJ & FAS :(Ketawa kecil)**

NBD :Budak-budak ini tidak tahu *turn table* itu apa (sambil menggerakkan tangan dan berpaling ke arah isteri) rekod itu.

**FAS :Yang piring hitam ke?**

NBD :Yang piring hitam besar itu. *Player* [pemain] tu.

**BHJ & FAS :Tahu (sambil mengangguk)**

NBD :*So* [Jadi] letak piring hitam itu lepas itu ada jarum dia mainkan. (menggaru kepala) *so* [jadi] bapa saya pasang itu lah *player* [pemain] pakai bateri enam [6] biji kan *so* [jadi] saya-- depan rumah saya ada padang sekolah di Sekolah Sawah Dato, Mersing [Johor] kan. Jadi orang main bola sekolah pun bukan sekolah hari ini sekolah kayu sekolah lama lah. Mereka main bola selalu saya tengok depan mata je kan. Tapi saya di rumah dekat tangga saya pasang itu

saya tengok je kan sambil pasang lagu saya tengok je mereka main. Lepas itu saya dah mula campur dengan kawan-kawan yang ada gitar kan saya pun mula berjinak-jinak nak pegang gitar. Jadi saya waktu saya pergi sekolah tu saya pergi sekolah naik basikal saya akan *park* [letak] basikal saya dan masuk ke dalam rumah guru besar sekolah ikut pintu belakang sebab anak dia kawan saya. Anak dia dah senior lah dah tak sekolah dah anak dia dah habis sekolah *form five* [tingkatan 5] *so* [jadi] saya berkawan dengan anak guru besar. *You* [Awak] berani ke ponteng masuk sekolah masuk rumah guru besar itu sekolah *you* [awak]. *So* [Jadi] saya masuk emm saya duduk kat tepi emm dekat-- mak dia ada kadang-kadang mak dia siap masak kat dapur tengok saya masuk tegur dia begitu saja lah. Dia tak kisah sebab dia tahu saya berkawan dengan anak dia *so* [jadi] saya masuk kat bilik anak dia *until* [hingga] anak dia lelaki itu tertidur lagi lah-- lepas itu saya cuba ambil gitar. Gitar bawah katil, saya tarik perlahan-lahan saya tak nak dia terjaga saya tarik gitar perlahan-lahan saya mula petik gitar. Itulah saat saya petik gitar (menunjukkan cara dan ketawa kecil) lepas itu dia bangun dia biasa bangun dia sangat *cool* [hebat] sangat baik hati. Saya waktu itu saya anggap dia macam abang, saya sayang dialah sayang dia kerana budi pekerti. Budi pekerti dia sangat *cool* [hebat] sangat orang kata sangat-- *behave* [berkelakuan] tau dia jaga tingkah laku dia baik budaknya *so* [jadi] pada saya dia satu kawan yang sangat terkesan pada diri saya waktu itu *my bestfriend* [kawan baik saya] lah walaupun dia macam abang sikit saya sangat gembira lah berkawan dengan dia sangat suka lah *so* [jadi] saya petik gitar lepas itu saya tanya dia, nama dia Yahya Osman guru besar encik Osman dia punya anak-- kami panggil dia Aya [Yahya Osman] *among* [antara] *friend* [kawan] dia ada kawan lain kami ada satu sekelompok kawan yang semuanya baik-baik lah semua *cool* [hebat] tak ada mengapu punya lah semua minat muzik semua dengar lagu muzik. *So* [Jadi] dia bangun saya panggil dia Aya [Yahya Osman] dia tanya "main lagu apa itu?" cuba-- mahu mainlah dia pula tunjuk macam mana *chord* [kord] lagu 'Rolling stone' yang saya dengar tu yang bapa saya pasang-- dia pun tunjuk macam ini (sambil membuat gaya memegang gitar)-- dia tunjuklah saya pun ikut apa yang dia ajarkan dekat situ lah saya mula main gitar.

## BHJ :Gitar biasa ke?

NBD :Gitar akustik biasa orang kampung panggil gitar tong lah-- kat situ lah saya punya apa ni minat dah mula syoklah-- sedap. Lepas itu *start* [mula] dari situ saya dah mula-- dan satu lagi motif yang saya main gitar ini saya rasa saya mahu hiburan hati saya-- yang bukan susah hati sedih bukan saya mahu hiburan diri sebab saya rasa dia macam-- tak capai apa yang kita nak mungkin saya rasa saya sekolah pun tak betul kan sekolah tak macam kawan-kawan lain yang *go futher study* [pergi belajar lagi] *so* [jadi] rasa macam tertinggal lahrasa ketinggalan dan saya muhu hiburan hati, saya ambil gitar saya main gitartapi masalahnya saya tak pernah ada gitar sendiri sebab mak bapa saya tak mampu nak belikan gitar *so* [jadi] itu tak mahal lah tak lebih RM100, Seratus ringgit [mata wang Malaysia] tapi waktu itu sebab saya datang daripadakeluarga yang biasa saja takde *extra* [tambahan] apa-apa pun-- saya rasa macam-- tertinggal lah kawan-kawan ada yang dah masuk kolej apa semua kan *so* [jadi] saya *start* [mula] pinjam gitar lah pinjam gitar sana pinjam gitar sini kalau saya dengar kawan di kampung itu ada gitar saya pergi rumah dia saya akan buat baik dengan dia saya akan main di tangga rumah dia. Dia pulatak bagi bawa balik gitar memang gitar dia, tak bagi bawa balik, gitar dia sedapsaya main memang sedap ada yang satu kawan ini rumah JKR dia bagi pinjam boleh bawa balik saya bawa baliklah berbulan-bulan bawa balik sampai gitar tong gitar kayu ada suatu ketika dulu dia terkopek dia renggang saya akan paku-paku renggang itu pakunya halus sekali gunakan paku yang paling halus sekali selamatkan dia punya renggang itu daripada lebih luas lagi pecahnya. Nanti lepas dua [2] tiga [3] bulan saya pulang pergi rumah satu kompleks kesihatan. Dulu kampung ada bidan kerajaan *so* [jadi] anak bidan ini ada gitar--  
- kitorang dah macam *family* [keluarga] lah dekat situ rapat kan dengan anak dia sendiri ini kat kampung saya ini kat kampung Sawah Dato [Mersing]. *So* [Jadi] mak bidan ini nama mak Bedah kan mak bidan ini sangat baik lah-- sebab dia yang membidankan anak-anak kampung ini *so* [jadi] anak orang macam anak dia, *so* [jadi] dia anak dia ada gitar saya akan main gitar dengan anak dia sama-sama dengan anak dia. *You know* [awak tahu] tak *stethoscope* [stetoskop] yang doktor pakai saya akan letak dekat telinga ini pastu muncung dia yang-- tu saya akan (sambil membuat gaya) masukkan dalam gitar dekat

tengah-tengah *so* [jadi] bila kita-- dia bunyi macam ada *speaker* [pembesar suara] sedap gila bunyi dia (ketawa kecil)

**FAS & BHJ : (Ketawa kecil)**

NBD :Lepas itu saya mulalah emm-- kat saya punya jiran-- Jemain nama dia “jom beli gitar nak?” “kau belilah” Jemain cakap *so* [jadi] dia setuju dia ada duit sikitkitorang naik basikal pergi beli gitar dekat bandar Mersing (Johor) gitar itu lebihkurang dalam RM50, Lima puluh ringgit [mata wang Malaysia].

**BHJ :Murah (ketawa kecil)**

NBD :Ah murah memang murah kita panggil gitar kapok, beli bawa balik *so* [jadi] saya dah ada gitar di sebelah rumah lah tak payah pergi jauh-jauh tapi yang gitar itu yang hancurkan gitar itu saya. (tersengih)

**BHJ :Kenapa pula?**

NBD :Sebab saya main gitar itu sampai lumat, dia tak dia main suka-suka je. Saya main sungguh-sungguh sampai lumat lah gitar itu sampai lunyai lah orang kata kan dia suka-suka je dia pun tak main muzik dia hanya suka-suka je main bawah pokok kan. Itulah puncanya saya *start* [mula] itu jadi *madness* [kegilaan] kat muzik itu makin menjadi-jadi. Ini masa ini kat kampung Mersing [Johor] kalau orang kahwin ke apa biasalah itu semua orang ada pengalaman, pengalaman yang sama pergi-- kemudian saya pergi ke Johor Bahru [Malaysia] saya tinggalkan kampung saya, saya pergi membantu saya punya mak sedara saya ada *business* [perniagaan] dekat pasar Johor Bahru [Malaysia] dia seorang tauke ayam tau jual ayam tu kat pasar *so* [jadi] saya bantu dia saya duduk rumah dia-- nak saya tolong dialah saya pun pergi bantu dia di Johor Bahru [Malaysia] setiap hari daripada pasar tu saya balik ke rumah dia, rumah dia di-

- Jalan Dato Dalam [Johor Bahru]. Jalan Dato Dalam [Johor Bahru] ini kalau hari ini depan Persada Johor [kompleks] dalam banda ada satu kawasan nama Jalan Dato Dalam [Johor Bahru] situ rumah dia bermakna rumah dia belah JMF [markas tentera] sebelah betul jadi saya akan lalu pasar itu-- kalau sekarang ini Komtar [Johor Bahru] itulah tapak dia sama Citi Square [kompleks membeli-belah] itu semua pasar dulu *so* [jadi] akan jalan kaki ke pasar lalu celah lalu *shortcut* [jalan pintas] panggung *audience* [penonton] hari ini panggung *audience* [penonton] itu dah tiada lah dah jadi benda lain naik-naik tangga lalu depan JMF [markas tentera] nak balik rumah dekat je dalam lima [5] sepuluh [10] minit je. Semasa saya lalu kat JMF [markas tentera] itu saya dengar bunyi *band* [kumpulan muzik] saya tertarik lah dengan bunyi *band* [kumpulan muzik] saya singgah saya mengendap saya tengok kan ada satu [1] bilik orang berlatih saya pergi saya mengintai-gintai lah orang kata tak kenal siapa pun lepas itu abang-abang itu dah nampak saya singgah beberapa kali kan dia kata “berkataadik kenapa suka eh? Nak main ke? nak try [cuba] ke?” saya angguk-angguk lah (sambil mengangguk) dia bagi saya pegang gitar dengan rasa Ya Allah *best* [seronok] gila dapat pegang gitar betul kan (tersenyum) itu semua buatkan saya-- *so* [jadi] daripada rumah mak cik saya itu saya hanya membantu dia pasar dapat sikit-sikit upah gitu-gitu jelah kita budak-budak lagi kan mak cik minta kita tolong kita tolong. Kemudian bermula kawan *networking* [rangkaian] saya sudah mula besar saya dah mula kenal kawan-kawan-- ajak saya lepak rumah diorang saya lepak kat rumah diorang kat rumah itu pun ada gitar (sambil tersenyum) gitar itu yang eloklah yang sedaplah gitar itu saya punya kawan punya lah dia-- sebab saya memang tak pernah ada gitar sampai ke Johor Bahru (Malaysia) saya tak pernah ada gitar kemudian satu hari tu kawanyang serumah lepak sekali tu saya sudah tidur kat rumah dia dia tanya (terbatuk) “kau boleh ganti orang tak?” “kat mana?” saya cakap, “kat Mencinta Night Club (Johor) ada orang nak cari pemain bass lah untuk dua [2] malam je”. Kenapa mereka sebut bass sebab saya suka main bass. Di rumah gitarnyayang enam [6] tali tu saya tukarkan jadi empat [4] tali untuk dapatkan *feel* [rasa] bass lah. *So* [Jadi] saya cakap dengan dia “saya tiada gitar lah macam mana aku nak pergi sana tiada gitar” tiada bass gitar tau. Dia kata “pergi dulu tanya dulu apa benda”. Saya ambil cabaran itu (sambil mengangkat tangan) esok saya pergi. Saya pergi-- saya sudah lupa saya naik

apa sampai Night Club Mencinta (Johor) tu jumpa *management* [pengurusan], *management* [pengurusan] kata “*you* [awak] boleh ganti tak dua [2] malam?” “gitar takde” “tak apa nanti kita cuba-cuba cari-carikan lepas ini *you* [awak] masuk dalam *you* [awak] cari itu *band* [kumpulan muzik] lah” *band* [kumpulan muzik] yang saya nak gantikan dua [2] malam je pemain bass ada masalah. *So* [Jadi] sayamasuk dalam saya jumpa *band* [kumpulan muzik] itu dekat situ lah saya berkenalan dengan Yazid, arwah Yazid. Saya berkenalan dengan dia saya berjumpa dengan dia (batuk kecil) lepas itu saya mainlah di situ dua [2] malam. Lepas dua [2] malam *management* [pengurusan] kata “*you* [awak] boleh sambung tak terus?” “tak boleh saya takde gitar” “tak apa kita belikan *you* [awak]” esoknya mereka bawa balik gitar mereka beli kat Singapore satu bass. Itulah pertama kali saya dapat elektrik bass yang saya punya. Tolak gaji *so* [jadi] saya akan bermain di situ jadi *permanent* [kekal] pula saya peluk saya cium gitar itu kuat-kuat dapat gitar yang betul-betul elektrik bass pertama kali dalam hidup saya pun main di situ hampir setahun lebih. Dekat situlah saya rapat dengan Yazid. Kemudian kita pendekkan cerita itu sampai satu [1] tahun lebih di Mencinta [kelab malam di Johor] waktu itu ‘Search’ belum wujud lagi lah dan satu hari itu Yazid pergi KL (Malaysia) dia, Hillary, dan Amy akan pergi KL (Malaysia) untuk satu-- dekat sana dekat sana dah ada pemain bass kat KL (Malaysia) tu. dia tiga [3] orang sahaja pergi. *So* [Jadi] saya tinggal di Mencinta (Johor) kawan baik saya kawan rapat saya dah tak ada dah. Saya dan Yazid tidur satu [1] bilik *management* [pengurusan] bagi bilik dan seorang lagi serumah *so* [jadi] katil kami dua [2] tingkat macam katil *army* [tentera] tu kan (tangan bergerak) saya atas, Yazid bawah macam itulah kami punya *life* [kehidupan] di situ. Apabila dia tiada saya rasa kehilangan kan Yazid gantikan adik dia Zahid untuk sementara waktu *so* [jadi] adik dia pun boleh main juga dan seorang *drummer* [pemain drum] yang sangat bagus *so* [jadi] dia gantikan Yazid sekejap. Dalam masa berlalu itu saya rasa saya tak boleh lagilah teruskan saya cakap dengan *management* [pengurusan] “saya mahu berhenti, saya mahu buat benda lain” lepas itu saya pun siapkan beg baju dengan satu [1] gitar dengan satu [1] beg saja. Saya lompat naik bas ekspres pergi KL (Malaysia) cari kawan-kawan sampai sana saya cari mereka *so* [jadi] disitulah di KL [Malaysia] lah bermulanya saya punya *professional career* [kerjaya professional] saya-- mencari Yazid apa



semua dan Hillary dan Amy. Kita dan sudah kenal di Johor [Malaysia] lah kenal-- *each other* [satu sama lain] lah tapi tidak begitu rapat yang saya rapat *is* [ialah] Yazid sebab kami kerja satu kelab, tidur satu bilik katil dua [2] tingkat bersama tapi kadang Hillary *drop by* [singgah] Amy *drop by* [singgah] itulah kami jumpa sebagai kawan dan sebagainya orang kata minat bidang yang sama kan. *So* [Jadi] akhirnya kami dapat berkumpul di KL [Malaysia] berjumpa mereka jalan dulu saya turut kemudian. Kemudian jadilah transformasi ini, jadi ah kita-- kami empat [4] orang ini yang membentuk 'Search' yang awal yang membentuk 'Search' yang awal. Kalau kita sejarah secara terperinci 'Search' ini ah ada seorang lagi sahabat kita Zainal nama dia. Zainal ini yang meletak batu asas 'Search'.

**BHJ :Zainal sebagai apa?**

NBD :Sebagai pemain gitar dan penyanyi. Dia meletakkan batu asas 'Search' bersama Hillary.

**FAS :Maksudnya dialah yang menubuhkan kumpulan 'Search'?**

NBD :Dia dan Hillary yang menubuhkan 'Search' dan meletakkan batu asas 'Search'. Okay itu satu [1] *part* [bahagian] eh. Kemudian tidak berapa lama dua [2] bulan macam tu Zainal tinggalkan 'Search' *so* [jadi] 'Search' jadi Yazid, Hillar, Amy kemudian saya *join* [sertai] *so* [jadi] ini yang membentuk 'Search'. *So* [Jadi] ini empat [4] orang ini yang membentuk formasi 'Search' waktu itu. Ah Zainal tadi dia meletak batu asas ah kerana dia ada komitmen dia dengan Hillary untuk bekerja di tempat itu. Di tempat kelab itu.

**BHJ :Bila tu?**

NBD :Itu 1980 ah sekitar 1980. Kemudian 1981 formasi yang sebenarnya di 1981 barulah emmm terbentuknya 'Search' ini. So [Jadi] dan Hillary adalah *the founding members* [ahli pengasas] yang pilih nama itu so [jadi] pilih nama itu.

**BHJ :Maksudnya S-E-A-R-C-H?**

NBD :Ah 'Search' dia ah mengikut cerita dia, dia tengok satu *magazine* [majalah] *magazine* [majalah] yang berkaitan astronomi benda tentang kajian sains dan sebagainya. So [Jadi] ada satu perkataan di situ 'In Search Off' so [jadi] dia buang *in* [dalam] dia buang *off* [dimatikan]

**FAS :(Ketawa kecil)**

NBD :Dia ambil tengah-tengah so [jadi] saya rasa ini adalah detik-detik penting nama inilah yang kekal sehingga hari ini. Kita ini tidak akan kekal kita mesti tak akan kekal kan tapi *legacy* [warisan] 'Search' yang akan kekal. So [Jadi] pemilihan dan detik-detik pemilihan yang Hillary buat bagi saya sangat *significant* [ketara]-- sehingga nama itu menjadi satu nama jenama-- Malaysia so [jadi] kalau orang kata apa sahaja mengenai 'Search' berkaitan 'Search' sangat- sangat penting dalam industri muzik tanah air. So [Jadi] bertolak dari situ dan kami berempat ini membentuk 'Search'—'Search' waktu itu kemudian adalah pertukaran sepanjang *career* [kerjaya] 'Search' itu selama tiga [3] empat [4] dekad ini berlaku lah pertukaran sikit sini sikit sana dan perkara ini sebenarnya perkara lumrah dia berlaku di mana sahaja walaupun di peringkat antarabangsa *band-* [kumpulan muzik] besar kemasukan keluar masuk *members* [ahli] ini kadang-kadang sudah keluar lepas itu masuk balik itu perkara biasa. Yang penting *is the survival* [adalah kelangsungan hidup] *survival of 'Search'* [kelangsungan hidup Search] itu berterusan dengan sebab itulah 'Search' *relevance* [perkaitan] sampai hari ini. (sambil muka tersenyum)

gembira)

**FAS :Untuk soalan berkaitan pendapat atau pun persepsi encik Nasir berkaitan dengan perbezaan antara bidang muzik rock zaman dulu dan juga zaman sekarang? Contohnya mungkin encik Nasir boleh ceritakan sikit jenis muzik rock dulu dengan sekarang, karakter pemain dalam muzik rock itu.**

NBD :Emm kalau kita tengok pada sejarah 'rock n roll' dunia kan dia ah di era yang awal waktu itu (sambil tangan memegang dagu) masyarakat dunia dipengaruhi oleh 'rock n roll' ala-ala Chuck Berry. Chuck Berry yang main gitar sambil jalan-jalan sana goyang-goyang sini (sambil membuat ajukan gaya) dia tidak macam-- tidak macam tegak saja menyanyi macam gitu kan dia dah ada *showmanship* [kemahiran berhibur] dia main-main gitar celah-celah kaki Chuck Berry ini. Itu era yang terawal lah dalam sekitar lima puluhan [50an]. Kemudian masuk era enam puluhan [60an] datangnya *group* [kumpulan] yang dia jadi dia- - buat satu [1] kumpulan yang bentuk yang kumpulan yang ada anggota lain maksudnya ada bass, drum, gitar, penyanyi ada dah buat satu kumpulan. Chuck Berry ni dia sorang dia ada *band* [kumpulan muzik] pengiring tapi dia di depan seorang saja dengan gitar dia dengan goyang-goyang (sambil goyangkan kepala) dengan aksi-aksi dia-- yang mencetuskan benda yang *showmanship* [kemahiran berhibur] atas pentas eh lagu yang orang kata ada 'rock n blues' sikit lah dia tidak lagu sedih lagu yang-- apa orang kata lagu yang biasa saja lah. So [Jadi] dia ada lagu-lagu yang *action* [aksi] punya lagu. Kemudian datangnya era enam puluhan [60an] tadi saya cakap datangnya satu [1] kumpulan yang membentuk bentuk *band* [kumpulan muzik] yang ada tiga [3] empat [4] orang. Chuck Berry tadi dia seorang kan ni datang tiga [3] empat [4] orang inilah dia 'Rolling stone'. So [Jadi] selepas era 'Rolling stone' masuk era tujuh puluh [70] dia lima puluh [50] enam puluh [60] tujuh puluh [70]. Lima puluh [50] Chuck Berry, enam puluh [60] 'Rolling stone' tujuh puluhan [70an] muncul pula *band* [kumpulan muzik] yang-- psychedelic sikit tu psychedelic rock ini dia emm fantasi dia berbeza. Dia-- dah apa ini cerita dia penghayatan dia penceritaan dalam lagu *arrangement* [susunan] dia yang kalau orang tak faham orang rasa berterabur sebab *it's not* [ia bukan] berterabur, *it's like a* [ia seperti] pro-rock. Pro-rock ini

progresif rock dia--bercabang-cabang dia pergi ke lain ke lain dia bertemu di depan. Mereka ini dah macam satu-- satu bentuk yang memuja *band* [kumpulan muzik] yang memuja *career* [kerjaya] dia dah jadi lain dia punya perubahan itu. So [Jadi] *band* [kumpulan muzik] kita kenali sebagai 'Pink Floyd' tujuh puluhan [70an] 'Pink Floyd'. Kemudian, lapan puluhan [80an] dah masuk emm rock dengan fesyen pula ini yang mula-mula ini takde sangat dia biasa-biasa saja. Pada lapan puluhan [80an] sudah masuk dengan fesyen dengan *makeup* [solekan] sikit semua rambut yang-- *heavy* [berat] semua yang *heavy* [berat] lagu *heavy* [berat] sound *heavy* [bunyi berat] dah mula inovasi dan berkembang (toleh ke kiri) dah ada pereka mereka-mereka bunyi yang-- orang kata ada-- punya rock kan sudah ada ini dah dunia akan berubah datangnya pelbagai *effect* [kesan], *effect* [kesan] ini dia punya-- tekan je bunyi macam ini. Itu dia punya perubahan dari segi sains teknologi semua kan sudah ada hak ciptaan itu hak ciptaan ini itu pada era lapan puluhan [80an] keluarlah apa ini rock yang lebih berat lagi daripada tiga [3] dekad yang terdahulu. So [Jadi] rock lapan puluhan [80an] ini dekat sinilah 'Search' ah punya zaman lapan puluhan [80an]. Tapi waktu itu juga kami dalam keadaan serba kekurangan kalau kita *compare* [bandingkan] daripada hari ini kan kita waktu itu tidak mempunyai gadget yang seperti awak depan mata inilah (tangan menunjuk ke arah depan) *handphone* [telefon bimbit]lah *LED* [Diod pemancar cahaya] lah *even lappy* [walaupun laptop] pun kita takde emm apa saja yang moden-moden emm *handphone* [laptop] pun tak wujud lagi di Malaysia kita hanya dengar ibarat ada itu ada ini benda itu tak sampai ke Malaysia. Kadang-kadang kalau sampai pun orang tertentu saja dapat macam *student-student* [pelajar-pelajar] bawa balik dapat lah kirim dengan kawan-kawan kan. Kita *lack so many thing* [kekurangan benda banyak sangat] kita tidak cukup maklumat, tidak ada internet tidak ada apa pun hanya ada saluran radio dan tv. So [Jadi] kita sangat kurang informasi tapi kita cuba sedaya upaya untuk dapatkan apa ini-- barang-barang yang digunakan dalam konsert melalui pembacaan, melalui majalah. Majalah waktu itu yang kami wajib mesti beli tiap-tiap bulan dua [2] lah '*guitar player*' [pemain gitar] itu ada jual di kedai-kedai muzik '*guitar player*' [pemain gitar] dengan-- kita memang akan beli di situlah kita mendapat maklumat. Kadang-kadang masa peringkat awal itu 'Search' di Red Rooster [Kuala Lumpur] nama tempat kelab kita main.

*You* [awak] boleh google nama itu R-E-D-R-O-O-S-T-E-R *so* [jadi] di Red Rooster [Kuala Lumpur] lah kita nak *tune* [lagu] pun susah nak *tune* [lagu] gitarmasih lagi kita orang kata hmmm pernah lah merasa *tune* [lagu] pakai tiga segi ketuk ting (mengajuk gaya) kita dengar okay *tune* [lagu] (jari bergerak) ah macam itu. Hari ini *tune* [lagu] sudah ada dalam *handphone* [telefon bimbit] *tune* [lagu] sudah ada dalam bentuk-bentuk apa ini-- *so* [jadi] banyak benda yang kami apa ini takde *compared* [dibandingkan] dengan budak-budak hari ini. *So* [Jadi] kami sangat *tough* [susah] lah melalui zaman itu-- apa ini dapat yang terbaik tapi apa-apa pun kita guna apa yang ada apabila kita masuk bilik rakaman itu lain ceritanya dia ada *extra-extra* [lebih-lebihan] barang-barang yang di *handle* [uruskan] oleh *engineer* [jurutera] *sound engineer* [jurutera bunyi] *so* [jadi] itu dapat membantulah dari segi rakaman dari segi luaran konsert luar kita guna apa yang kita ada *so* [jadi] apabila digital datang ke dunia munculnya dunia digital di situlah berlakunya suatu macam suatu ledakan-- besar tau di mana kita sudah mula macam (menggosok muka) apa ni *recording process* [proses merekod] ahh apa ini *even* [walaupun] gitar dan alat-alat lain semuanya berbentuk digital semuanya ada apa ini ada orang kata macam kalau-- maknanya *you* [awak] mahu apa *you* [awak] tekan saja *you* [awak] nak *sound* [bunyi] apa *you* [awak] tekan saja tidak perlu kita kena cari kena dengar baca maklumat macam mana kita kena praktikkan *so* [jadi] perbezaan dia dulu dan sekarang dulu *more practical* [lebih praktikal] kan *more practical* [lebih praktikal] macam *you* [awak] sudah *graduate* [siswazah] kan *and then you* [dan lepas itu awak] mahu kerja sebelum kerja *you* [awak] kena praktikal (berdehem) itu suatu pengalaman yang tidak boleh jual belilah. Tapi berbeza dengan budak *band* [kumpulan muzik] zaman sekarang ini mereka sudah kurang cabaran kurang tekanan semua *so* [jadi] mereka jadi macam jadi manja lah jadi manja, jadi senang dapat *no need to hard work* [tidak perlu kerja keras] *work hard* [berusaha keras] *sorry* [maaf] *work hard* [berusaha keras] apa ini tidak *challenging* [mencabar] sangat ahh mahu-- tekan *button*-- [butang] mahu bunyi itu tekan ini (sambil jari bergerak) jadi itu hmm mereka membataskan diri mereka untuk pergi ke zon yang lebih mencabar lah *so* [jadi] akhirnya kita kehilangan atau kekurangan gitar hero kita kekurangan *skill player* [pemain kemahiran] jadi kita macam sekarang lah sebab itu kita sangat berbeza kita tengok *guitarist*

[pemain gitar] hari ini *compared to* [berbanding dengan] *guitarist* [pemain gitar] dulu *skill-skill* [kemahiran-kemahiran] itu tidak seperti-- bukan saya kata *guitarist* [pemain gitar] sekarang tidak bagus, bagus tapi *skill* [kemahiran] tidak sama macam dulu-dulu. Kita falsafah kita '*finger to the talking*' [jari untuk bercakap] *compared* [berbanding] kepada sekarang '*button to the talking*' [butang untuk bercakap] (tersenyum) jadi itu salah satu [1] *respond to* [bertindak balas kepada] *you* [awak] punya soalan antara dulu dan sekarang kan. Jadi kesimpulannya digital bunuh analog (tersengih)

**FAS & BHJ : (Mengangguk kepala)**

NBD : Analog sistem dulu kan.

**FAS : Seterusnya, berikan pendapat perbezaan antara bidang seni muzik rock dengan bidang seni muzik yang lain selain rock?**

NBD : Secara *fundamental* [asas] nya dia tidak ada beza, hanya huruf A sampai huruf F G.

**FAS : (Ketawa kecil)**

NBD : ABCDEFG 'do re mi fa so la ti do' itu sahaja secara *fundamental* [asas] nya. Yang membezakan dia adalah apa ini *you* [awak] mahu pergi ke mana (sambil tangan bergerak ke depan). Contohnya, emm sebatang sungai lepas itu dia ada saluran yang ke lain macam cabang sungai *so* [jadi] *you* [awak] mahu pilih mana, air tetap mengalir itu muzik kan *so* [jadi] sini pun dia mengalir sana pun dia mengalir (sambil tangan bergerak kiri dan kanan) masuk-- *so* [jadi] *you* [awak] pilih saluran minat kan. *So* [Jadi] kalau *you* [awak] pilih yang pop dia ada dia punya resepi dia macam mahu buat masak kan dia ada resepi-resepi tertentu *so* [jadi] untuk *you* [awak] pergi ke jazz yang-- dia ada resepi dia, dia ada adab dia-- dia ada cara dalam bekerja dalam berkarya kena ada adab lepas

itu *you* [awak] mahu pilih rock ada adab dia ada cara dia. *So* [Jadi] dan ada juga bukanlah kata syarat seolah-olahnya macam satu [1] keperluan *you* [awak] kena buat macam ini kena ada ini, jazz *you* [awak] kena ada ini-- pop or [atau] -- muzik rakyat, dandut, muzik ghazal ke apa ke dia kena ada ini. Rock dia kena ada macam ini, *so* [jadi] *basically* [pada asasnya] emm membezakan dia adalah jalur mana yang *you* [awak] pilih *so* [jadi] kalau saya-- macam saya dalam jalur rock sudah tentu saya punya persiapan dari segi mental *and* [dan] fizikal kena ke arah itu *your mindset* [set minda awak] kena sebagai pemain rock punya *mindset* [set minda] *your* [awak] rujukan *your reference* [rujukan awak] mesti ada yang berbentuk dan yang berkait dengan rock. Saya lebih senang bercerita tentang rock sebab saya tahu sedikit sebanyak tentang rock. Kalau tanya pasal jazz saya kurang jadi, *mindset* [set minda] kita selain daripada itu pengetahuan lah yang kita ada informasi yang kita ada *so* [jadi] benda ini semua *you* [awak] kena kumpulkan menjadi satu [1] --*strength* [kekuatan] kekuatan kita untuk kita jadi seperti yang kita pilih.

**FAS : Soalan seterusnya, berkaitan dengan aaa boleh tak En. Nasir bagikan pendapat tentang cabaran dan liku-liku kehidupan aaa artis veteran yang tidak diketahui umum?**

NBD :(Sambil menggenggam tangan) Saya rasa aaa untuk *response to this* [maklumbalas kepada] soalan, saya rasa ia berkaitan dengan kehidupan artis yang awal dengan *compare* [banding] pada hari ini. *So* [Jadi], saya rasa apa-- yang isunya adalah aaa sistem. Sistem pengurusan muzik negara. *So* [Jadi], kita rasa kita ni masih duduk didalam sistem yang *corrupt* [korupsi]. Sistem yang lapuk ah. Kita tidak maju. Kalau kita tak tukar sistem ni. Kalau kita masih di duduk di sistem yang lama, err- artis kita akan akan hidup tidak akan berubah. Nasib mereka masih ditakuk yang lama. Tidak ada pembelaan, tidak ada err panggil *rights* [hak] apa *rights* [hak]? Errr hak. Diorang tidak dapat hak diorang yang sebenarnya. Ni kerana, perkara ni da puluh tahun berlaku dimana hak- hak artis ataupun-- dia punya em *copyrights* [hak cipta] dia tidak dibagi- kepada artis itu sendiri ataupun pencipta itu sendiri (Sambil menggerakkan tangan). Maksud saya, hak mereka dilanggar, karya mereka dicabuli, jadi

mereka tak tau dimana nak em apa ni nak dapatkan hak. Err- bila cerita pasal hak, dia ada dia punya *dues* [hak]. *Dues* [hak] tu maksudnya dia ada dia punya er *dollars and cents* [kewangan] (Sambil menggerakkan tangan). Hak *mean* [maksud] aaa ada dia punya aaa em macam bila orang gunakan hak kita tu orang gunakan, orang kena bayar *so* [jadi] kadang-kadang dekat situ lah berlakunya pelanggaran dan satu lagi undang-undang, akta dan apa ni tidak ada akta atau undang-undang yang khusus-- dalam bidang muzik. Dan saya maksudkan industri muzik, kalau filem, bidang hiburan luas. Dia ada filem, ada tu, ada ni. Filem dia ada dia punya akta (Sambil menggerakkan tangan). Dia punya er akta berkanun, dibawah seliaan, dikawal selia oleh FINAS [perbadanan filem Malaysia] Filem Nasional. Tetapi tidak ada dalam muzik. Sebab tu, saya dan kawan-kawan seangkatan khususnya penggiat seni muzik sedang berusaha hingga ke hari ni untuk (berdecip) em orang kata-mendepani isu. - Saya telah (menutup mulut) bertemu dengan pihak berwajib pihak err tertentu yang berkait dengan hal-hal seperti ini beberapa kali la mesyuarat diadakan tapi- kami masih lagi belum dapat aaa emm apa ni sasaran yang kami mahukan-- untuk orang kata membaiki, memulih industri muzik tanah air dengan sistem yang lebih- teratur, dengan lebih bersih, lebih *transparency* [ketelusan], *transparent* [telus] dan lebih terperinci (Sambil menggerakkan tangan). Zaman sekarang,- zaman yang langit dasar langit terbuka (mendepakan tangan) takde siapa yang boleh sorok apa-apa pun.

**FAS :Betul.**

NBD :- *you* [awak] kena terus terang, *you* [awak] kena buka aaa kupas isu-isu tu (berdecip) maksud saya eh *IT* [Teknologi Maklumat] ini ada baik dan buruk dia. (Serentak) Saya melihat pada sudut baik, kebaikan dia. Ia mengajar kita untuk jadi lebih berterus terang mengajar kita tentang err *transparency* [ketelusan]- mengajar semua insan supaya aaa apa ni jujur. Jujur dengan segala-gala tindak tanduk diri. Itulah aaa kesan daripada apa ni teknologi yang ada hari ni yang dasar langit terbuka dan apa semua *so* [jadi] dulu takde teknologi internet ke apa. Orang ni buat salah boleh sorok, orang ni buat silap boleh- sorok kesilapan dia, orang ni aaa orang kata dalam bahasa mudah songlap duit pihak-- pihak



lain sorok bawah karpet, sana sini apa semua kan. Sekarang ni kita takde apa yang boleh disorok lagi. Sebab tu kadang-kadang ada pihak- pihak luar terjumpa duit bawah karpet (gelak) contohnya la. Maksudnya terjumpa kes tu, kes ni en, so [jadi] benda ni tak boleh lagi berlaku dalam keadaan dunia serba canggih. So [jadi] sekarang ni kita kena lebih terbuka, - lebih apa ni terbuka- dan jujur dengan- perjuangan, karya, dengan sistem aaa nasib artis-artis tidak boleh lagi di perkotak-katikkan. Kalau tidak, masa kan yang orang lama-lama ni hidup ada yang *survive* [bertahan], ada yang masih *struggle* [perjuangan] lagi, ada yang masih takde rumah lagi, kenapa sedangkan diorang ni menyanyi- lagu banyak walaupun lagu tu kadang- kadang bukan hak diorang, hak penulis lagu tapi sebagai *performer* [penghibur], dia ada dia punya hak dia. So [Jadi], benda-benda ni hendaklah dipulangkan balik. So [jadi] benda ni yang-- kena dikupas dengan seberapa segera dengan aaa-- *the government of the day* [kerajaan pada hari ini] sebab kalau dibiarkan,-- dia akan berterusan lagi kepada- *government* [kerajaan] yang akan datang. So [jadi] sampai bila-bila-- takde kesudahan dan tak *settle* [selesai] (Sambil menggerakkan tangan). Dan nasib artis seperti biasa. So [jadi] kita nakkan benda ni supaya muzik ada satu [1] perbadanan dia sendiri (Sambil menggerakkan tangan keatas kebawah) seperti filem *under* [bawah] FINAS [perbadanan filem Malaysia]. Itu la yang saya dan rakan-rakan perjuangkan. Kita perjuangkan- Perbadanan Industri Muzik Malaysia [PIMM]. Itu yang kami sedang usahakan. Dan benda ni bukan bersifat peribadi. Suatu ketika nanti saya akan takde lagi, orang lain pun gitu, akan pergi pulang ke pencipta dia, tetapi benda ni akan kekal. Benda ni la generasi kita- yang muda besok akan mengambil alih. Seperti juga FINAS [perbadanan filem Malaysia] yang sudah empat puluh [40] tahun dan da ada berpuluh-puluh ketua, -- silih berganti. Begitu juga PIMM [Perbadanan Industri Muzik Malaysia] nanti. So [Jadi], itu yang saya nak buat. Inilah-- apa sedikit sumbangan kepada industri sementara kita masih ada lagi ni. Suatu ketika besok orang lain akan sambung legasi ni perjuangan ni aaa-- apabila pihak Perbadanan Industri Muzik Malaysia tertubuh, segalanya akan- dikawal selia oleh kerajaan seperti FINAS [perbadanan filem Malaysia] kawal selia filem. So [Jadi] aaa artis- khususnya penggiat seni, muzik adalah payung dia (Sambil menggerakkan tangan). Ada tempat dia berteduh, ada tempat dia mengadu dan- bersistem yang sangat- sangat canggih, tidak ada lagi pihak

ketiga yang akan ambik kesempatan ke atas diri diorang dan selain daripada tu, dia bukan hanya kita cerita pasal royalti. Royalti ni da berkurun. Kita cerita-macam mana nak- meningkatkan ekonomi warga seni (serentak). Macam mana kita nak perbaiki kehidupan warga seni apabila sudah sampai waktu diorang berehat. -- Suatu ketika diorang sampai waktu itu diorang da tak boleh menyanyi lagi ataupun lakonan pun da filem saya tak nak sentuh la. - filem da ada dia punya organisasi sendiri. Saya-- tertumpu pada muzik. Suatu ketika- da tua, da tak boleh main lagi, kaki da sakit, apa nak buat dan bukan isu ekonomi saja, isu pendidikan, anak-anak seni, isu kesihatan. Saya tak nak tengok rakan-rakan seperjuangan hah terbaring atas katil dan-- mati diatas katil gitu je (Sambil menggerakkan tangan ke hadapan) kita kena bela diorang, bela nasib diorang. Kita kena ada kan *medical* [kesihatan] punya pakej untuk warga artis. Apa cara kita nak buat? Adalah cara dia yang kita da ada dalam kita punya *blueprint* [pelan tindakan]. *Blueprint* [Pelan tindakan] ni kita tak payah nak jaja- kesana kemari. *Blueprint* [Pelan tindakan] ni kita hantar kepada kerajaan untuk kerajaan meneliti dan membuat dasar dan keputusan. *Blueprint* [Pelan tindakan] bukanlah perkara ataubarangan yang boleh dijaja sana sini. Tetapi ada dalam tu. Dalam *blueprint* [pelan tindakan] tu. Bagaimana kita nak mengurus industri muzik ni. Dari segi royalti, dari segi ekonomi, dari segi perubatan, dari segi kesihatan diorang, dari segi pendidikan-pendidikan anak-anak dan keluarga. Anak artis pun ada yang bersekolah. Anak artis juga ada yang- daif,-- bukan daif la aaa macam yatim piatu. Anak artis juga ada kehilangan mak atau bapa. Bukanlah orang luar saja (Sambil menggerakkan tangan). Jadi, diorang pun seperti orang lain, seperti golongan lain juga. So [jadi] saya lebih berfokus pada sini. Kalau kita nak tolong, kita tolong keluarga kita dulu. Itulah-- suatu perkara yang-- bukan luar biasa. Benda perkara- yang umum. Apabila kita ada sesuatu yang lebih, *even* [walaupun] dalam agama pun menuntut kita membantu warga sendiri dulu. Kemudian, jiran-jiran kita dan jiran-jiran yang jauh sikit (Sambil menggerakkan tangan ke hadapan)- tidak ada makna,- tak ada gunanya kamu pergi ke tanah suci untuk-- menunjukkan diri kamu tu suci sedangkan empat puluh [40] jiran kamu, sekeliling kamu ni, tidur dalam kelaparan ataupun anak tidak ada kasut (Sambil menggerakkan tangan). Tidak ada makna. Itu kalau kita nak *go* [pergi] lebih teliti la. So [jadi] maksudnya kita kena perbaiki kita punya diri, komuniti

kita, keluarga kita dulu, buat yang terbaik baru kita pikirkan kepada parameter yang lebih luas (Sambil menggerakkan tangan). Itu- namanya sistem (Sambil menggerakkan tangan). Hidup kena ada sistem. Apabila takde sistem aaa itu yang sengah-sengah persatuan dalam hiburan aaa buat derma kepada mangsa tu mangsa ni dengan cek RM 500, Lima Ratus Ringgit [mata wang Malaysia], RM1000, Satu Ribu Ringgit [mata wang Malaysia] gambar lebih, nak tunjuk diorang membantukan sedangkan warga sendiri, warga seni sendiri,-- dia tak tolong. Aaa adalah *a few* [sedikit] dia tolong tapi bukan soal bagi cek di katil. Bukan serah cek di pesakit tu. Bukan itu. Maksud saya, banyak lagi perkara yang kita kena perhalusi, kita kena tengok (Sambil menggerakkan tangan). Contohnya pendidikan dan apa ni ekonomi. Apabila kita tingkatkan ekonomi diorang ni tak perlu lagi hantar cek ke rumah ataupun- di kawan kita yang sedang sakit, sedang terlantar di katil. Itu tak perlu lagi, kita da ada sistem. Sistem kita yang bekerja. Kita akan tingkatkan ekonomi. Bagaimana nak tingkatkan ekonomi? Ada cara kita yang seperti saya ulang tadi yang kita tak boleh jaja perkara ini Semuanya ada di dalam bentuk *blueprint* [pelan tindakan]. So [Jadi] saya rasa kalau saya nak sentuh pasal ni, memang banyak lagi sebab saya dan kawan-kawan seangkatan bukan nak menubuhkan persatuan- kena *clear* [jelas] kat sini, kita nak tubuhkan--Perbadanan Industri Muzik Malaysia adalah satu agensi kerajaan. Bukan saya nak buat persatuan. Kalau saya nak buat persatuan, esok saya da boleh buat. Saya panggil seratus [100] orang da jadi da persatuan. Tak perlu berhubung dengan sesiapa. Tapi persatuan hanya persatuan tidak ada akta, tidak ada badan berkanun, tidak undang-undang yang akan- dibahaskan di parlimen (Sambil menggerakkan tangan). So [jadi] kami nak wujudkan Perbadanan Industri Muzik Malaysia supaya benda ni jadi satu [1] benda yang ber*authority* [kuasa] aaa sebelum *of course* [sudah pasti] sebelum terjadinya, benda ni patut dibahas di parlimen baru- diwartakan sebagai satu *body* [badan] yang aaa ber*authority* [kuasa] -- Lepastu barulah dan siapa yang melakukan kesalahan akan menghadapi tindakan undang-undang- yang secara sistematik (Sambil menggerakkan tangan). Bukan tuduh-menuduh, tuding-menuding jari, bergaduh di *paper* [kertas] apa untungnya. Kita tak dapat apa-apa. Yang untung media. Dan dapat kutukan dari netizen. So [Jadi] benda-benda ni tak perlu berlaku lagi dalam dunia moden seperti harini (Sambil memandang kiri dan kanan).

**BHJ** :Kita akan beralih kepada soalan yang lebih spesifik iaitu mengenai rutin kehidupan En. Nasir. Aaa boleh En. Nasir kongsikan sedikit rutin kehidupan En. Nasir?

NBD :Saya punya rutin em saya rasa banyak- *no* [tidak] dia pelbagai (Sambil menggerakkan tangan). Pelbagai maksudnya, kalau dulu masa bujang saya hanya aaa hidup saya dengan saya punya muzik 'rock n roll' je (Sambil menggerakkan tangan). Saya errr tidur ke apa ke dengan muzik 'rock n roll' dibilik (Sambil tangan ke belakang). Saya ada *player* [alat muzik] dekat atas kepala tekan-tekan okay *on* [buka] (Sambil membuat gaya menekan alat muzik). Saya nak dengar lagu (Sambil meletakkan kedua-dua tangan ke atas kepala). Saya tidur dengan gitar saya. Gitar saya sebelah saya. Umm ini serius- saya sayang gitar saya. Saya balik kampung gitar saya, saya letak dalam kereta saya macam *passenger* [penumpang] dekat belakang (Serentak) (Sambil menggerakkan tangan). Aaa saya sayang dia. Umur dia sekarang datiga puluh enam [36] tahun (Sambil meletakkan tangan kanan di telinga).

**FAS** :Tiga puluh enam [36] tahun, oh ada umur (Sambil ketawa)

NBD :Masa saya beli, saya beli tahun 1986. Gitar itu gitar utama saya, gitar utama Search dan gitar itu da banyak mengeluarkan lagu-lagu dan bunyi-bunyi Search (Sambil meletakkan tangan kanan di telinga).

**FAS** :Sehingga kini?

NBD: Sehingga kini.

### FAS: Wah (Nada teruja)

NBD :Aaa gitar tu sehingga kini. Sekarang ini gitar itu ada di KL [Kuala Lumpur, Malaysia] sebab saya sedang sibuk buat lagu baru eh bayangkan-- aaa saya boleh simpan gitar tu sampai sekarang. Saya beli tahun lapan puluh enam [86] maknanya umur dia sekarang ni—tiga puluh lima [35] nak masuk tiga puluh enam [36] tahun (Sambil meletakkan tangan kanan di telinga). Umur dia. Umur dia lebih tua daripada awak semua (Sambil menggerakkan tangan). *So* [jadi] itu kehidupan saya dahulu. Saya dengan ‘rock n roll’ saya dengan gitar saya dengan saya punya apa ini *team* [kumpulan] orang bujang kan biasa la kan ah selepas itu bila saya masuk dalam ada *family* [keluarga] kan (sambil menggerakkan tangan). Err saya selain daripada muzik, saya em saya beri tumpuan pada *family* [keluarga] sekadar yang ialah- sebaik yang boleh, sebaik-baik yang boleh. *So* [jadi] saya ada dua- anak daripada perkahwinan pertama kan *so* [jadi] yang pertama itu Putera Najmi nama dia. Putera Najmi Ratna Anati.

### BHJ & FAS: (Serentak bercakap)

NBD :Lelaki. Putera Najmi Ratna Anati (Sambil menggerakkan tangan). *So* [jadi] dia err- *grad* [graduan] *law* [undang-undang] *so* [jadi] dia sekarang ni dia bekerja di satu *company* [syarikat] yang dia *in charge of* [menjaga]-- tentang *hire purchase* [pembelian] kan, *agreement* [perjanjian] dan apa semua ahh dia *in charge of that* [menjaga itu] lah (Sambil menggerakkan tangan). Tu anak lelaki sayalah. Dan anak perempuan saya Isabella Ratna Sari Dewi. Isabella saya ambil daripada nama lagu *so* [jadi] dia anak kedua saya *so* [jadi] dua-dua inilah saya jaga sepenuh – penuhnya. Saya errr tidak pernah ambik bas sekolah ke van sekolah ke suruh orang. Saya *hands on* [jaga] sendiri (Sambil menggerakkan tangan). Daripada darjah satu [1] sampai *form* [tingkatan] lima [5]. Begitu juga adik dia, abang dia sekolah Seri Utama eh di KL [Kuala Lumpur, Malaysia] selepas itu masuk kolej apa semua errr adik dia pulak sambung. Adikdia dengan dia jarak sembilan (9) tahun. *So* [jadi] selepas abang

